



PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

TEKS UCAPAN

YB DR. ZALIHA MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN
PROGRAM MATA HATI WILAYAH 2024

27 JUN 2024

SEKOLAH KEBANGSAAN BUKIT PANTAI
KUALA LUMPUR

Terima kasih pengacara majlis.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ
وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ
الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berusaha

Tuan Ismadi Sakirin

Pengarah Eksekutif (Pembangunan
Sosioekonomi)

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Yang Berbahagia

Datuk Nor Muhamad Che Dan

Pengarah

Bahagian Pengurusan Pembangunan

Jabatan Wilayah Persekutuan

Yang Berusaha

Profesor Dr. Ahmad Taufek Abdul

Rahman

Rektor UiTM Cawangan Selangor

Yang Berusaha

Tuan Haji Azuar Hussin

Pegawai Pendidikan Daerah Bangsar Pudu

Guru-Guru Besar, Murid-murid,

Rakan-rakan media,

Tuan-tuan dan puan-puan para hadirin
sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam
Malaysia MADANI.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, puji dan syukur dipanjatkan kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita dapat bersama-sama pada pagi ini dalam satu program yang amat bermakna, iaitu Program Mata Hati Wilayah.
2. Saya cukup gembira kerana usaha murni ini akhirnya dapat direalisasikan hasil kerjasama erat antara pelbagai agensi dan institusi melalui pendekatan *whole-of-nation*.

PERNYATAAN MASALAH KESIHATAN MATA DALAM KALANGAN KANAK- KANAK

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

3. Rabun jauh atau *myopia* merupakan masalah kesihatan mata utama di Asia dengan prevalens dilaporkan meningkat pada setiap tahun. Turut dilaporkan bahawa sehingga 80% pelajar sekolah rendah mengalami masalah ini dan Malaysia juga tidak terkecuali. Masalah kesihatan mata ini bukan sahaja menjejaskan penglihatan, malah turut menjejaskan ekonomi dan kesejahteraan sosial.

4. Di peringkat global, kehilangan produktiviti akibat gangguan penglihatan disebabkan komplikasi rabun ini dianggarkan sehingga USD 244 billion. Kehilangan produktiviti ini mewakili lebih dari 1% Keluaran Dalam Negara Kasar atau KDNK di kawasan Asia Timur, Asia Selatan dan Asia Tenggara. Ini menunjukkan impak ekonomi yang besar terhadap negara-negara di kawasan tersebut, termasuk Malaysia, akibat masalah rabun yang tidak dirawat.

5. Di Malaysia, sekitar 1.2% daripada populasi mengalami beberapa bentuk masalah penglihatan, dengan sekitar 1 daripada 10 kanak-kanak mengalami masalah penglihatan yang tidak didiagnosis dan boleh membawa kepada kecacatan penglihatan jika tidak dirawat.

6. Lebih membimbangkan lagi, kajian yang dilaksanakan melalui program *Amblyopia & Visual Impairment Screening* atau AVIS oleh Kementerian Kesihatan Malaysia mendapati 30 peratus daripada kanak-kanak pra sekolah di Malaysia mengalami masalah penglihatan. Kajian tersebut turut mendapati bahawa kanak-kanak tersebut tidak mengetahui bahawa mereka sedang mempunyai masalah penglihatan.

7. Sehubungan itu, berlandaskan beberapa pernyataan masalah atau *problem statement* yang telah saya sebutkan sebentar tadi, Jabatan Wilayah Persekutuan terpanggil untuk melaksanakan program yang kita laksanakan pada hari ini, iaitu Program Mata Hati Wilayah. Ini merupakan salah satu usaha melalui Program Usaha Jaya Insan atau PUJI, di bawah *flagship* Sihat @ PUJI dan Ilmu @ PUJI.

PUJI SEBAGAI EXIT PLAN KEPADA KEMISKINAN

Tuan-tuan dan puan-puan para hadirin sekalian,

8. Program Usaha Jaya Insan atau PUJI yang telah saya perkenalkan beberapa bulan yang lalu merupakan satu usaha untuk menyediakan ekosistem *exit strategy* kepada kemiskinan, khususnya miskin tegar di Wilayah Persekutuan. Program pada hari ini merupakan manifestasi bahawa PUJI akan mampu membina satu ekosistem untuk mengeluarkan rakyat daripada kepompong kemiskinan.

9. Dengan pemberian cermin mata percuma kepada 500 orang murid ini, saya sasarkan akan mewujudkan kesan jangka pendek, sederhana dan panjang kepada diri murid tersebut sendiri, keluarga dan masyarakat sekitar.

10. Secara jangka pendeknya, murid-murid dengan masalah penglihatan yang menerima bantuan cermin mata ini dapat mengikuti suasana pengajaran dan pembelajaran yang lebih baik.

11. Terdapat satu kajian yang dilaksanakan di sebuah kawasan luar bandar barat China beberapa tahun yang lalu mendapati kanak-kanak daripada keluarga yang kurang berkemampuan dan menerima bantuan cermin mata yang disediakan oleh kumpulan pengkaji tersebut, skor akademik mereka meningkat berbanding sebelumnya.

12. Selain itu, melalui kajian tersebut juga mendapati, kanak-kanak yang boleh melihat dengan jelas, cenderung mempunyai keyakinan diri yang lebih tinggi dan kurang mengalami tekanan. Dengan cara ini, kesihatan mental mereka akan lebih baik memandangkan mereka tidak lagi berasa terpinggir kerana ketidakmampuan mereka untuk melihat dengan jelas, sekaligus boleh memberi impak kepada prestasi akademik yang lebih baik. Ini juga secara tidak langsung dapat menyelesaikan isu-isu psikososial yang berpanjangan sehingga menjejaskan kesejahteraan masyarakat

13. Untuk jangka masa sederhana dan panjang pula, mereka juga akan berpeluang mendapat pendidikan yang baik dan seterusnya mendapat pekerjaan yang produktif dan pada akhirnya akan memberikan kehidupan yang lebih baik kepada keluarga mereka, termasuk memastikan anak-anak mereka satu hari nanti juga mendapat pendidikan yang baik dan penjagaan kesihatan yang mencukupi.

14. Ini secara tidak langsung membantu mengangkat status sosio ekonomi keluarga mereka secara keseluruhan, memecahkan kitaran kemiskinan dan pada akhirnya akan memberi kesan yang positif kepada komuniti dan juga negara. Kitaran ekosistem seperti inilah yang ingin kita capai melalui pelaksanaan program-program di bawah payung PUJI di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan.

PENGUKURAN KEJAYAAN PROGRAM MATA HATI WILAYAH

Para hadirin sekalian,

15. Bagi mengenalpasti pengukuran kejayaan program ini, saya difahamkan pemantauan terkait progres akademik dan *self esteem* seperti keyakinan diri serta interaksi dalam proses pengajaran dan pembelajaran terhadap 500 orang penerima cermin mata percuma yang terpilih akan dilaksanakan secara kerjasama di antara pihak UiTM dan guru-guru sekolah secara berterusan selama 6 bulan, iaitu sehingga Disember tahun ini.

16. Selain pemantauan terhadap 500 orang penerima ini, saya turut dimaklumkan, seramai 3,000 orang murid Tahap 1 di 5 buah sekolah akan dilaksanakan saringan kesihatan mata terhadap mereka. Insya-Allah, data-data yang kita kumpulkan ini akan digunakan untuk mewujudkan, melaksanakan atau menambahbaik polisi-polisi terkait isu pendidikan di Wilayah Persekutuan.

PENUTUP

Para hadirin sekalian,

- 17. Saya khawatir sekiranya kita tidak menangani isu ini dari sekarang, dampak yang lebih besar terhadap beban ekonomi, komposisi tenaga kerja masa hadapan, perbelanjaan sosial, struktur kekeluargaan dan kesejahteraan masyarakat turut akan terjejas pada masa akan datang memandangkan Malaysia diunjurkan oleh *World Bank* akan mencapai status ‘aged society’ pada tahun 2044 dan ‘super-aged society’ pada tahun 2056.**

18. Sehubungan itu, kita perlu ‘sediakan payung sebelum hujan’ dengan memahami dan bersedia untuk menghadapi cabaran-cabaran ini agar Malaysia boleh memastikan peralihan ke arah masyarakat menua atau ‘aged society’ ini dapat ditangani secara berkesan sambil memanfaatkan peluang untuk membina sebuah masyarakat yang sejahtera.

19. Saya berharap agar kerjasama bagi Program Mata Hati Wilayah ini turut dapat dipanjangkan kepada badan-badan swasta, badan-badan bukan kerajaan mahupun agensi-agensi kerajaan lain pada siri akan datang agar kita dapat mengambil tanggungjawab ini secara bersama bagi menangani kesan serta impak kepada ekonomi dan sosial terhadap masalah yang membimbangkan ini.

20. Terima kasih saya ucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program pada hari ini, termasuklah Jabatan Wilayah Persekutuan, Jabatan Pendidikan Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Yayasan Komuniti Negara, Universiti Teknologi MARA dan juga DBKL.

21. Ucapan terima kasih turut saya zahirkan kepada kelima-lima buah sekolah yang sudi terlibat dalam menjayakan program ini, iaitu SK Bukit Pantai selaku tuan rumah, SK Desa Tasik, SK Setiawangsa, SK Wangsa Maju Seksyen 1 dan SK La Salle.

22. Sebagai tanda penghargaan kepada SK Bukit Pantai selaku tuan rumah bagi Program Mata Hati Wilayah ini, saya dengan ini meluluskan peruntukan berjumlah RM 30,000.00 kepada SK Bukit Pantai bagi pembangunan *smart classroom* dan Studio TVPSS. Semoga dengan peruntukan ini, SK Bukit Pantai mampu memberikan manfaat yang optimum kepada murid-murid dan seluruh warga sekolah.

23. Untuk itu, dengan lafaz mulia Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Program Mata Hati Wilayah 2024.

Sekian, wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.